

Memandangkan rakyat dari segenap lapisan sudah sedar

# Mahathir yakin matlamat wawasan akan tercapai

8 DEC 1999

Y

GEANTING HIGHLANDS 7 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin matlamat untuk menjadikan Malaysia negara maju menerusi Wawasan 2020 akan tercapai memandangkan rakyat dari segenap lapisan masyarakat telah sedar dan memahami sepenuhnya aspirasi dan matlamat wawasan itu.

Perdana Menteri berkata, masyarakat negara ini telah membincangkan secara meluas wawasan itu dan telah memikirkan bagaimana mereka boleh menyumbang ke arah pencapaian matlamat-matlamatnya.

Katanya, dengan kefahaman

dan kesedaran ini, negara mempunyai peluang yang lebih baik untuk mencapai hasrat yang telah digariskan.

"Saya sendiri berpuashati dengan langkah-langkah yang telah dijalankan untuk mencapai cita-cita wawasan itu," katanya kepada para pemberita selepas mengadakan dialog tertutup dengan 150 orang tokoh korporat dan perkhimatan awam yang menyertai Seminar Wawasan 2020 di sini.

Seminar tiga hari yang berakhir hari ini itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba pada Khamis

lalu. Objektifnya ialah untuk menyediakan satu forum bagi membincang dan memahami konsep-konsep yang terkandung di dalam Wawasan 2020.

Menurut Perdana Menteri, sesuai dengan hasrat wawasan itu, konfrontasi antara majikan dan pekerja sehingga merugikan syarikat sudah tidak sesuai lagi diamalkan pada zaman ini.

Beliau menegaskan, demi kebaikan kedua-dua pihak, majikan dan pekerja perlu bergabung tenaga untuk maju dan mesti memahami bahawa nasib mereka adalah bergantung kepada kejayaan syarikat tempat

mereka bekerja.

Sehubungan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak menggalakkan kesatuan-kesatuan sekerja ditubuhkan dan diguna dalam menyelesaikan konfrontasi antara golongan pekeja dan majikan.

"Kerana inilah kerajaan menganjurkan supaya pekerja dan majikan menubuhkan apa yang dipanggil 'kesatuan dalaman' bagi membincangkan isu-isu bersama dan bukannya kesatuan sekerja.

"Melalui 'kesatuan dalaman', pekerja akan sedar bahawa nasib mereka adalah terikat

dengan kejayaan syarikat dan justeru itu mereka akan berhati-hati dan tidak melakukan sesuatu yang merugikan syarikat.

"Sebaliknya, jika diadakan kesatuan sekerja, kesatuan seperti ini biasanya lebih mengutamakan kekuatan kesatuan berbanding kebaikan syarikat," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, kerana faktor inilah, kadang-kadang walaupun sesebuah syarikat itu kecil dan tidak mampu, ia terpaksa juga membayar gaji yang tinggi kepada pekerja sebagai mematuhi apa yang telah dipersetujui dengan kesatuan.

Dato' Sri Dr. Mahathir seterusnya menggesa pengurusan sektor swasta supaya jangan menumpukan kepada keuntungan syarikat semata-mata dalam menguruskan pemiagaan.

"Kita mahukan bentuk pengurusan yang lurus dan beretika tinggi dan bukan pengurusan yang hanya mengutamakan pencapaian jangka masa pendek sahaja," kata beliau.

Katanya, maju atau mundur sesebuah masyarakat adalah ditentukan oleh 'nilai etika yang mereka amalkan dan bukan nilai yang diperkatakan.'

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sesebuah masyarakat itu akan membangun jika sistem nilai atau etika mereka sesuai dengan pembangunan.

Bagi mencapai masyarakat yang demikian, kerajaan telah bertindak membentuk nilai-nilai seumpama itu di dalam masyarakat supaya ia sesuai dengan pembangunan, katanya.

Mengenai penerapan nilai etika dalam pengurusan sektor swasta, Perdana Menteri berkata, terpulang kepada sektor swasta sendiri untuk menyemai nilai itu dalam organisasi mereka.